

**SIARAN MEDIA****IRAT Rasmi Sekolah Angkat MADANI, Menandakan Penyempurnaan Program RM1.3 Juta LTAT & Kumpulan Syarikatnya di 38 Sekolah Kem ATM**

TANJUNG PENGELIH, JOHOR, 6 FEBRUARI 2026: Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT"), bersama syarikat kumpulannya, hari ini menzahirkan kejayaan pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI dengan jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak RM1.3 juta, merangkumi 38 buah sekolah yang terletak di dalam kem Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") di seluruh negara.

Majlis penutup program ini telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Tanjung Pengelih ("SKTP") dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pengelih ("SMKTP"), serta disempurnakan oleh En. Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, bersama barisan kepimpinan LTAT dan IRAT. Pencapaian ini menandakan kemuncak satu inisiatif berskala nasional yang telah memberi manfaat secara langsung kepada lebih 24,000 orang pelajar, majoritinya terdiri daripada anak-anak warga ATM.

Di Tanjung Pengelih, pelaksanaan program yang diselaraskan oleh IRAT, syarikat subsidiari di bawah LTAT, memberi tumpuan kepada penambahbaikan Bilik Darjah Pintar di kedua-dua sekolah. Penambahbaikan tersebut merangkumi peningkatan prasarana pembelajaran, penggunaan peralatan pengajaran digital, penambahbaikan ergonomik bilik darjah serta penyediaan kemudahan berfokuskan pelajar. Delegasi LTAT turut melawat kelas Program Pendidikan Khas Integrasi ("PPKI") di SMKTP, di mana Mohammad Ashraf Md Radzi, mewakili IRAT, telah menyampaikan replika cek sebagai simbolik sumbangan empat (4) unit penyaman udara tambahan, melengkapinya penambahbaikan infrastruktur sedia ada bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk murid berkeperluan khas.

Secara keseluruhan, hampir RM100,000 telah dilaburkan khusus bagi sekolah-sekolah di Tanjung Pengelih, meliputi kerja-kerja pengubahsuaian bilik darjah, perolehan peralatan digital, kemudahan pembelajaran, pelaksanaan program serta aktiviti libat urus warga sekolah. Lawatan ini turut mencerminkan semangat kerjasama erat dalam komuniti ATM, dengan sokongan daripada Kem KD Sultan Ismail serta penajaan oleh IRAT.

Program ini turut dihadiri oleh Kept Hazlan Hazumi TLDM, Pegawai Pemerintah Kem KD Sultan Ismail, serta wakil daripada Pejabat Pendidikan Daerah ("PPD") Kota Tinggi, menekankan kerjasama erat antara LTAT, ATM dan ekosistem pendidikan kebangsaan.

Mengulas kejayaan ini, Ketua Eksekutif LTAT, Mohammad Ashraf Md Radzi berkata, "Penyempurnaan Program Sekolah Angkat MADANI di 38 buah sekolah bukan sekadar penutup kepada satu inisiatif, tetapi merupakan manifestasi keyakinan kami. Keyakinan bahawa setiap anak anggota tentera wajar menerima persekitaran pembelajaran yang mampu menyemai inspirasi, keyakinan diri dan cita-cita."

“Apabila kita melabur dalam pendidikan, kita sebenarnya melabur untuk masa hadapan. Inisiatif ini bertujuan membina asas kukuh dari segi sahsiah, peluang dan harapan, agar anak-anak mereka yang mempertahankan negara dapat bermimpi lebih besar dan melangkah lebih jauh. Bersama-sama, kita membentuk sekolah yang bukan sahaja lebih lengkap, tetapi juga bersedia menghadapi cabaran masa hadapan,” Tambah beliau.

Di peringkat nasional, Program Sekolah Angkat MADANI oleh LTAT dan syarikat kumpulannya dilaksanakan secara holistik, merangkumi peningkatan infrastruktur dan bilik darjah, penambahbaikan digital dan teknologi maklumat, sokongan pembelajaran inklusif, kesejahteraan mental serta penglibatan berasaskan komuniti. Pendekatan ini dirangka bagi memastikan sekolah-sekolah dalam kem tentera kekal kondusif, berdaya tahan dan bersedia menghadapi keperluan pendidikan yang semakin berkembang.

Dengan selesainya fasa ini, LTAT menegaskan komitmen berterusannya untuk bukan sahaja melindungi masa depan sosioekonomi para penjarum ATM, malah memastikan kesejahteraan pendidikan dan sosial keluarga mereka terus terpelihara, sejajar sepenuhnya dengan aspirasi nasional di bawah kerangka MADANI.

Program Sekolah Angkat MADANI telah dilancarkan oleh YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, pada 20 Jun 2025 sebagai inisiatif nasional bagi memperkukuh pendidikan, kesejahteraan sosial dan daya tahan komuniti. Penyertaan LTAT, yang dilaksanakan bersama 14 syarikat kumpulan, mencerminkan komitmen menyeluruh dan bersepadu dalam memperkasa sekolah-sekolah di persekitaran ketenteraan melalui intervensi yang bermakna, mampan dan berimpak tinggi.

-TAMAT-

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”)

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) serta para veteran. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari www.ltat.gov.my.

Mengenai IRAT Hotels & Resorts Sdn Bhd (“IRAT”)

IRAT Hotels & Resorts merupakan pemelihara warisan Malaysia dan pembentuk pengalaman unik yang menggabungkan tradisi dengan kemodenan. Berpangkalan di ibu kota Kuala Lumpur, portfolio IRAT menampilkan hartanah ikonik seperti Royale Chulan Kuala Lumpur, sebuah hotel bersejarah yang memaparkan keunikan budaya Malaysia, dan Chulan Tower, sebuah pusat komersial moden yang melambangkan aspirasi dan semangat kota ini. Dengan pengalaman hampir tiga dekad, IRAT lebih daripada sekadar pemilik hartanah; ia mencipta destinasi yang menyatukan individu dengan budaya, sejarah dan aspirasi Malaysia. Sebagai sebahagian daripada ekosistem Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”), IRAT terus memelihara legasi ketahanan, kebanggaan negara dan nilai yang berkekalan, memastikan inti pati Malaysia terus hidup untuk dinikmati generasi akan datang.

PERHUBUNGAN MEDIA

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi Strategik

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : www.ltat.gov.my